

26 APR 2003
Iraq-Ketua/I
RAKYAT IRAQ MASIH Mencari SEORANG KETUA

Oleh: Shamsul Akmar
JMTM

BAGHDAD, 26 April: Walaupun kebanyakan rakyat Iraq bersatu menyokong tokoh-tokoh agama namun Mullahs enggan menukar watak sebagai tokoh-tokoh politik.

Apa yang mereka inginkan ialah hanya membantu memulihkan semangat rakyat ketika menghadapi bencana yang melanda mereka.

Bangunan Kementerian Kewangan di jalan Al Kanaa seperti bangunan kerajaan lain nampak sepi berikutan pencerobahan namun kemusnahan di situ tidak seteruk seperti bangunan yang lain.

Bagaimanapun mengikut cerita tradisi oleh seorang pemandu Iraq, bangunan Kementerian Kewangan yang dibina pada awal 1980an itu, direka oleh seorang jurutera berbangsa Israel.

"Beliau memutuskan untuk membina reka bentuk lambang Bintang David (simbol Israel) di atas bangunan tersebut sebagai tanda hormat kepada negara asalnya.

"Selepas beberapa lama bangunan itu siap, Saddam (Hussien), yang kebetulan berlalu di atas bangunan itu dengan helikopter, nampak simbol tersebut dan mengarah pihak keselamatan supaya menangkap jurutera itu. Mereka berkata jurutera itu adalah seorang pengintip untuk Tel Aviv dan membunuhnya."

Cerita-cerita seperti ini wujud selepas kejatuhan Saddam.

Ada cerita yang mempunyai bukti sementara yang lain hanyalah khabar angin dan buah mulut sahaja.

Namun cerita-cerita menarik tidak berakhir selepas kejatuhan kerajaan Saddam. Jika ada apa-apapun, mereka (para ulamak) mula mengambil peranan besar di sebaliknya kekacauan, tiada undang-undang dan kekosongan kepimpinan.

Maka ramai yang mula beralih kepada masjid-masjid dan imam.

Para imam mula memainkan peranan mereka dengan memberi nasihat, menjadi sebagai penawar hati dan juga memimpin pemberontakan secara aman menentang pendudukan Amerika Syarikat.

Tetapi bukan semua imam atau tokoh agama disambut baik atau nasihat mereka diterima.

Inilah nasib seorang pemimpin Shia yang berpusat di London, Sheikh Majid Al-Khoei, yang begitu aktif semasa intifada Iraq menentang Saddam pada tahun 1991.

Beliau kembali ke Najaf, iaitu bandar raya suci Shia, kira-kira 160km di selatan Baghdad, selepas tentera Amerika dan sekutunya mula bergerak ke ibu kota negara itu.

Beberapa penulis pula menyatakan pada mulanya Sheikh Majid, 50, cuba memberi galakkan kepada kaum Shia untuk menyokong tentera Amerika dan Britain tetapi mendapati idea itu tidak mendapat sokongan dari komunitinya.

Kemudian beliau menukar pendiriannya, menggesa kaum Shia supaya berkecuali dan dua hari lagi selepas itu, beliau ditikam hingga mati di masjid Imam Ali bin Abi Talib.

Spekulasi tersebar luas bahawa beliau dibunuh kerana kaitan rapatnya dengan kerajaan Britain dan beliau membuat perkiraan salah tentang sentimen kaum Shia.

Ini tidak bererti kebencian Shia terhadap Saddam merupakan sokongan kepada tentera penceroboh.

Bagi Sheikh Mohamed Majid Al Emiri, seorang Imam Shia dari sebuah masjid di Al Daura, di pinggir kota Baghdad, yang duduk di sebelah Sheikh Majid sebelum kejadian itu, menafikan motif pembunuhan itu sambil menyatakan insiden itu sebagai "salah orang."

Apapun motif pembunuhan Sheikh Majid, fakta tetap sama, pemimpin-pemimpin agama tidak bebas daripada menjadi sasaran pembunuhan politik.

Adalah tidak mengejut untuk melihat imam Sunni yang ulung di Iraq, Sheikh Ahmad Abed Al Qubeishi dikelilingi oleh pengawal ketika di pejabat atau selepas menyampaikan khutbah hari Jumaat di masjid Sheikh Abdul Qadir Jailani di tengah Baghdad.

Selepas sahaja khutbah selesai, Sheikh Ahmad mengetuai pemberontakan di jalan-jalan di Baghdad.

"Perkataan tidak boleh menggambarkan perasaan marah dengan apa yang mereka (tentera bersekutu) lakukan di Iraq. Saya risau kita akan menjadi mangsa seperti di Afghanistan. Pihak pentadbiran Amerika tidak peduli mengenai pembangunan semula Iraq selepas mereka musnahkannya," katanya.

Walaupun mendapat sokongan rakyat Iraq untuk mengisi kekosongan pemimpin, Sheikh Ahmad seperti tokoh agama lain yang ditemubual, tidak mempunyai impian politik.

Ditanya kenapa tidak, beliau menjawab: "Saya tidak sesuai untuk menjadi askar apa lagi seorang jeneral. Saya berasa susah hati melihat keadaan nasib rakyat saya dan kanak-kanak yang tidak berdosa dan keperitan itu sungguh berat untuk saya memikulnya."

Akhirnya beliau menjawab: "Saya tidak berminat untuk menjadi seorang politik. Saya harapa seorang pemimpin Arab muncul dari krisis ini. Saya tidak mahu seorang ulamak memimpin negara ini. Saya mahu seorang seperti Dr Mahathir merajui negara Iraq."

Beliau juga berkata: "Saya berada di Malaysia untuk beberapa bulan pada tahun 1997. Apabila di sana, saya bangga sebagai orang Islam. Negara itu mempunyai sistem yang baik. Jika saya ada suara dalam pembangunan semula Iraq, saya mahu Perdana Menteri atau Presiden baru negara ini menjadikan Malaysia sebagai model."

Imam Shia dari Al Daura Sheikh Mohamed Majid juga secara terbuka menyatakan beliau tidak berminat dalam politik.

"Jika saya ditawarkan jawatan dalam Kabinet, saya akan menolaknya. Saya hanya berminat membantu rakyat Iraq membina semula hidup mereka," katanya.

Jawapan serupa juga datang daripada Sheikh Muayad Al Adhami, Imam Sunni dari masjid Imam Abu Hanifa mosque di daerah Adhawiya di Baghdad dan Sheikh Hafiz Zidan Al Ubaidi, seorang Imam Sunni dari Masjid Al Arqam.

Ramai rakyat Iraq percaya bahawa ada kebaikan hasil daripada pencerobohan tersebut iaitu perpaduan antara kaum Sunni dan Shia semakin erat, yang membentuk 97 peratus daripada populasi negara itu.

-- JMTM